

Headline	Permas hab Johor Bahru Timur		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Johor)		
Date	01 May 2018	Color	Full Color
Section	Berjimat atasi beban kenaikan harga minyak	Circulation	22,630
Page No	30	Readership	67,890
Language	Malay	ArticleSize	723 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,159
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,477



Kawasan industri, pelaburan komersial pesat membangun di negeri ini

Permas hab Johor Bahru Timur



Oleh: ZULHISHAM ISAHAK, AZIZI MAJID dan MOHD. KHAIRUL MOHD. ALI
 utusan.johor@gmail.com

■ PASIR GUDANG 30 APRIL

KAWASAN Dewan Undangan Negeri (DUN) Permas, di sini merupakan antara komponen penting dalam Iskandar Malaysia dan menjadi nadi utama Pasir Gudang.

Permas sebagai sebuah kawasan industri dan pelaburan komersial sedang pesat membangun untuk muncul sebagai kawasan pertumbuhan penting di negeri ini, sekali gus bakal menyai bandar raya Johor Bahru atau bandar raya Iskandar Puteri.

Semua infrastruktur asas untuk mencapai pelan strategik dan jangka panjangnya disediakan di Permas. Namakan sahaja kemudahan yang diperlukan seperti lebuh raya, pejabat kerajaan, kemudahan pendidikan dan kesihatan, semuanya ada di Permas.

Terbaharu pembangunan paling penting sudah tentu Pusat



MOHAMED KHALED NORDIN bergambar bersama para usahawan wanita di Pasir Gudang baru-baru ini.

Transformasi Bandar (UTC) Pasir Gudang mula beroperasi pada 31 Disember tahun lalu.

UTC ke-21 itu dibangunkan dengan kos RM23 juta menempatkan 14 agensi kerajaan di bawah satu bumbung yang memudahkan bukan sahaja penduduk Permas tetapi di Pasir Gudang dan sekitarnya berurusan dengan pihak kerajaan.

Satu lagi kejayaan dan pembangunan paling membanggakan di DUN berkenaan adalah pembinaan Bandar Satelit yang sedang dalam pembinaan sejak 2016 dan dijadualkan siap pada 2023.

Perancangan itu merupakan antara bahagian penting dalam projek pembinaan Bandar Alam Masai di kawasan seluas 208 hektar. Secara tidak langsung akan mengubah pekan Masai sebelum ini yang dikenali dengan jolokan sebagai bandar koboi.

Projek pembangunan bercampur dengan nilai pembangunan kasar RM4.2 bilion itu dibangunkan oleh Era Universe Development Sdn. Bhd. dan dijangka bakal menjadi hab terbaharu Johor Bahru Timur.

Kedudukan Masai berhampiran kawasan perindustrian menjadikannya pilihan tepat untuk dibangunkan sebagai bandar baharu yang menjadi pelengkap kepada Pasir Gudang secara amnya.

Semua pembangunan tersebut tidak dinafikan adalah hasil daripada arkiteknya, iaitu Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang ketebulan menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permas selepas menang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) pada 2013.

Permas kini bergerak lebih terkehadapan daripada laluan yang sepatutnya apabila mampu

menawarkan pelbagai kemudahan, antaranya mempunyai hotel bertaraf lima bintang, dua stadium di bandar Pasir Gudang, Tanjung Puteri Golf Resort, kawasan perumahan moden atau mewah seperti Eco Tropics di Kota Masai selain Senibong Cove dan Meridin Bayvue.

Begitu juga Hospital Penawar dan Hospital KPI Pasir Gudang terletak dalam DUN berkenaan yang sememangnya cukup popular. AEON Permas Jaya dan Pasar Raya Mydin Taman Rinting, Masai pula menjadi pilihan utama penduduk tempatan berbelanja.

DUN
N.43 PERMAS

PENCALONAN PRU-14

- Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (BN)
- Datuk Che Zakaria Mohd. Salleh (PKR)
- Ab. Aziz Abdullah (Pas)
- Rohani Yacob (Bebas)

N.43 JOHOR JAYA

JUMLAH PENGUNDI
49,393

KEPUTUSAN PRU-13

Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (BN)	23,952
Syed Othman Abdullah (Pas)	18,200
MAJORITY	5,752

Jumlah undi: 42,881
 Peratus mengundi: 86.82%
 Undi rosak: 729

MENARIK DI DUN PERMAS

- Hab pendidikan di Seri Alam
- Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pasir Gudang
- Bandar Satelit di Masai
- Pusat Giat Mara berteknologi tinggi
- Makanan laut di Kampung Senibong
- Kawasan industri dengan lebih 400 kilang
- Pelabuhan Tanjung Lingsat (PTL)